

# PENYAMPAIAN CEK SUMBANGAN DARI TABUNG ZAKAT ATM DAN TABUNG KEBAJIKAN TUDM

 [airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4525-penyampaian-cek-sumbangan-dari-tabung-zakat-atm-dan-tabung-kebajikan-tudm](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4525-penyampaian-cek-sumbangan-dari-tabung-zakat-atm-dan-tabung-kebajikan-tudm)

ALOR SETAR, 15 Feb 19 - Satu Majlis Penyerahan Cek Sumbangan Kebajikan kepada dua orang pegawai telah diadakan di Bilik Mesyuarat, Markas Kolej Tentera Udara.

Penerima cek sumbangan kebajikan ini adalah Mej Zunida bt Che Azmi TUDM bagi membantu meringankan masalah kesihatan yang dihadapi oleh anak beliau iaitu penyakit dyslexia. Manakala Lt Muhammad Adib bin Abdullah TUDM telah kehilangan ibu beliau yang meninggal dunia.

Cek sumbangan kebajikan tersebut telah disampaikan oleh Komandan Kolej Tentera Udara, Brig Jen Dato' Johnny Loh Kok Kong TUDM dan diiringi oleh Pegawai Laksana Kolej, Kol Omar bin Hj Dawami TUDM.

